

Pengurusan Pelajar Kelainan Upaya (OKU) dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET)

Management of Special Needs in Technical and Vocational Education and Training (TVET)

Muhamad Firdaus bin Abdul Halim^{1*}

¹ Faculty of Technical & Vocational Education
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Johor

*Corresponding Author: gb220127@student.uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jttr.2024.02.01.002>

Maklumat Artikel

Diserah: 15 April 2024
Diterima: 29 Jun 2024
Diterbitkan: 30 Jun 2024

Kata Kunci

Pengurusan, fasiliti, OKU, TVET

Abstrak

Jurnal artikel ini bertujuan untuk menyelidik mengenai pengurusan pelajar kelainan upaya (OKU) dalam konteks pendidikan teknikal dan vokasional (TVET). Dengan penekanan pada penyelarasan program TVET terhadap keperluan pelajar OKU, kajian ini menggambarkan cabaran dan amalan terbaik yang dihadapi oleh pengurus dan pendidik dalam mengintegrasikan pelajar OKU ke dalam persekitaran pembelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional. Metodologi penyelidikan ini melibatkan kajian literatur daripada kajian-kajian yang telah dilaksanakan mengenai pengurusan pelajar kelainan upaya dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat usaha positif dalam menyokong pelajar OKU dalam program TVET, terdapat cabaran unik seperti kekurangan sumber daya yang mencukupi, keperluan latihan khas untuk pendidik dan kemudahan di institusi yang diperlukan. Walau bagaimanapun, amalan terbaik dalam pengurusan pelajar OKU dalam TVET turut dikenalpasti. Hal ini termasuklah sokongan individu, latihan berterusan untuk pendidik serta fasiliti yang bersesuaian. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman mendalam mengenai pengurusan pelajar OKU dalam konteks pendidikan teknikal dan vokasional serta menyeru kepada pembaharuan polisi dan amalan baik untuk meningkatkan aksesibiliti dan keberkesanan pendidikan untuk pelajar OKU dalam pendidikan teknikal dan vokasional.

Keywords

Management, facilities, special needs, TVET.

Abstract

This journal article aims to research the management of students with disabilities (OKU) in the context of technical and vocational education (TVET). With an emphasis on coordinating the TVET program with the needs of disabled students, this study describes the challenges and best practices faced by management and educators in integrating disabled students into the learning environment in technical and vocational fields. This research methodology involves a literature review from studies that have been carried out on the management of students with disabilities in

the field of technical and vocational education. The findings of the study show that despite positive efforts in supporting students with disabilities in TVET programs, there are unique challenges such as lack of sufficient resources, special training needs for educators and facilities in the required institutions. However, best practices in the management of disabled students in TVET were also identified. This includes individual support, continuous training for educators and appropriate facilities. This study contributes to an in-depth understanding of the management of disabled students in the context of technical and vocational education and calls for the reform of policies and good practices to increase the accessibility and effectiveness of education for disabled students in technical and vocational education.

1. Pengenalan

Institusi teknikal dan vokasional (TVET) memainkan peranan yang penting dalam menyediakan generasi muda untuk memasuki pasaran kerja dalam bidang kemahiran dan pengetahuan teknikal yang diperlukan. TVET memberikan pendidikan dan latihan yang berfokuskan kepada aspek teknikal dan vokasional serta kejuruteraan. Ianya juga memberikan pelajar kecekapan yang diperlukan dalam pelbagai industri. Program TVET menekankan pembelajaran kemahiran praktikal yang memberikan pelajar pengalaman secara langsung di lapangan. Seterusnya, TVET juga menawarkan program-program dalam bidang kejuruteraan, perniagaan, teknologi maklumat serta pelbagai bidang vokasional seperti pembinaan, elektrik, automotif dan sebagainya.

Menurut Siwela (2017) Institusi TVET bekerjasama rapat dengan industri tempatan bagi memastikan bahawa kurikulum dan latihan yang diberikan selari dengan keperluan sebenar pasaran kerja semasa. TVET juga menitikberatkan pembangunan kemahiran kerja yang praktikal dan relevan di samping menyediakan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan dalam industri. Selain itu, TVET tidaklah hanya menyasarkan pelajar lepasan sekolah. Akan tetapi, TVET juga menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk golongan dewasa yang ingin menambah kemahiran mereka dalam bidang teknik dan vokasional.

Dalam institusi Pendidikan Teknikal dan Vokasional, golongan pelajar kelainan upaya (OKU) juga mempunyai hak yang sama rata dengan pelajar-pelajar lain (Khairi et al, 2017). Pelajar kelainan upaya merupakan kumpulan yang memerlukan perhatian dan sokongan khusus dalam sistem pendidikan. Pihak pengurusan sesuatu institut perlu memahami cabaran serta keperluan pelajar kelainan upaya yang terlibat dalam bidang ini agar pendidikan mereka dapat diterima dengan berkesan. Dalam konteks pelajar kelainan upaya dalam bidang TVET, penyesuaian kurikulum dapat memastikan bahawa pelajar kelainan upaya dapat menerima latihan yang sesuai dengan kemampuan dan keperluan mereka.

Selain itu, fasiliti dan infrastruktur juga penting bagi memastikan kebolehcapaian pelajar kelainan upaya kepada fasiliti dan infrastruktur yang disesuaikan untuk keperluan mereka. Sebagai contoh, pihak institut perlu menyediakan fasiliti yang mesra pelajar kelainan upaya serta keadaan ruang pembelajaran yang dapat diakses dengan mudah khususnya bagi pelajar kelainan upaya. Di samping fasiliti dan infrastuktur, latihan tambahan dan sokongan khusus untuk pelajar kelainan upaya seperti bimbingan vokasional, kaunseling dan sokongan psikologi juga penting (Syed Salim et al, 2017).

Seterusnya, pembangunan kaedah penilaian yang sesuai dengan keupayaan pelajar kelainan upaya mungkin melibatkan penyesuaian dalam cara penilaian dilaksanakan. Sebagai contoh, menyediakan sistem penilaian yang merangkumi pelbagai gaya pembelajaran dan keperluan pelajar kelainan upaya. Akhir sekali, kesedaran masyarakat dan pihak berkepentingan tentang keperluan pelajar kelainan upaya dalam bidang TVET juga perlu dititikberatkan sebagai contoh dengan menggalakkan pendekatan inklusif dalam pendidikan dan membina persekitaran yang mesra pelajar kelainan upaya dalam institut. Melalui usaha-usaha ini, sistem pendidikan TVET dapat memberikan peluang kepada pelajar kelainan upaya dalam membantu mereka untuk membangunkan kemahiran vokasional dalam diri mereka dan menyokong pencapaian kejayaan mereka dalam bidang Teknikal dan Vokasional.

TVET memberikan sumbangan penting kepada pembangunan sosial dengan memberikan peluang pendidikan dan latihan kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuklah pelajar kelainan upaya. Kesimpulannya, institut TVET memainkan peranan penting dalam membentuk tenaga kerja yang mahir dan berkemahiran dalam menyokong pembangunan ekonomi dan memenuhi keperluan pasaran kerja industri.

2.0 Metodologi

Dalam melaksanakan kajian ini, kaedah kajian literatur sistematik telah digunakan oleh pengkaji. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan penulisan daripada kajian-kajian lepas yang diterbitkan daripada tahun 2017

hingga tahun 2023. pencarian data dilaksanakan dengan menggunakan kata kunci “Pengurusan Pelajar Kelainan Upaya dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional” sebagai kriteria dalam pencarian atau sebagai tapisan pencarian bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan artikel yang lebih relevan dengan kajian yang dikehendaki. Daripada carian pengkaji, secara keseluruhannya pengkaji menemui sebanyak 25 artikel berkaitan tajuk. Akan tetapi, terdapat 20 artikel sahaja yang memenuhi keperluan berdasarkan tajuk kajian. Kerangka kerja dalam kajian ini berfokuskan kepada cabaran atau kekangan Pendidikan Teknikal dan Vokasional bagi pelajar kelainan upaya serta amalan baik dalam menangani cabaran atau kekangan yang dihadapi.

3.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti 20 artikel yang boleh digunakan bagi melaksanakan kajian mengenai “Pengurusan Pelajar Kelainan Upaya (OKU) dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Daripada dapatan kajian yang telah diperolehi, maklumat secara terperinci telah diringkaskan oleh pengkaji dan maklumat dianalisis dalam bentuk jadual.

Jadual 1 Analisis pengurusan pelajar kelainan upaya (OKU) dalam pendidikan teknikal dan vokasional (TVET)

Bil.	Kajian	Perbincangan	Dapatan
1.	Abdullah, A. G. & Tri Setiyarini (2021)	Pendekatan Melatih Orang Kurang Upaya di Pusat Latihan Vokasional Aliran Perdana.	Tenaga pengajar yang mempunyai kemahiran mengajar yang baik cenderung untuk menggunakan pendekatan kaedah pengajaran yang sesuai dengan situasi semasa. Di samping itu, pengajar juga alat bantu latihan yang bersesuaian dengan fizikal pelajar untuk melaksanakan amali.
2	Adhikari, A. R. (2018)	Pengalaman Pelajar Kurang Upaya dalam Latihan Vokasional Aliran Perdana di Nepal.	Merangka silibus atau kaedah pengajaran yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan pelajar kelainan upaya di samping meningkatkan lagi latihan tenaga pengajar dalam mengajar pelajar kelainan upaya.
3.	Ali, A. & Abdullah Zawawi, Z. (n.d.)	Tahap Penguasaan Terhadap Komponen Masakan Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran.	Kandungan matapelajaran perlulah disesuaikan dengan perkembangan pendidikan yang semasa.
4.	Ang, M. C. H., & Lim, T. H. (2022)	Menjadikan TVET Inklusif Untuk Golongan OKU Di Malaysia.	Pembaharuan TVET dalam memudahkan ianya diakses oleh golongan OKU. Selain itu, mewujudkan persekitaran kerja dan persekitaran yang lebih inklusif buat pelajar kelainan upaya.
5.	Ikenna, D. et al. (2020)	Cabaran Kemasukan: Kajian Kualitatif Meneroka Halangan Dan Laluan Kepada Kemasukan Orang Kurang Upaya Mental Dalam Program Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional Di Afrika Timur.	Pelaksanaan kurikulum yang fleksibel, dasar yang jelas sikap inklusif serta latihan buat pengajar dalam menghadapi pelajar kelainan upaya. Selain itu, melaksanakan perubahan terhadap kriteria dan cara kemasukan ke institusi TVET bagi meningkatkan lagi penyertaan pelajar kelainan upaya dalam bidang TVET.

6.	Khairi, S., Redzuan, N. I. & Hashim, N. (2017)	Persepsi Majikan Terhadap Pelajar OKU Pendengaran Di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Yang Menjalani Latihan Industri.	Kemahiran, pengetahuan serta kemahiran generik pelajar-pelajar OKU berada pada tahap yang sederhana. Akan tetapi, prestasi pelajar OKU pendengaran berada pada tahap yang baik.
7.	Khumalo, Z. P. (2019)	Mengajar Pelajar "Kecacatan" Visual: Pengalaman Pensyarah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).	Tenaga pengajar mendepani cabaran dalam berkhidmat untuk pelajar kelainan upaya seperti tenaga pengaja yang tidak dilatih, keurangan sumber dan sebagainya.
8.	Korkem, Y. (2022)	Pengambilan Guru Mendidik Remaja Bermasalah Pendengaran Belajar di Institusi TVET di Kazakhstan.	Tenaga pengajar mempunyai masalah komunikasi dengan pelajar kelainan upaya. Di samping itu, pengajar juga menghadapi halangan dalam mengajar pelajar kelainan upaya.
9.	Malle, A. Y. (2017)	Jurang Amalan Dasar dalam Penyertaan Pelajar Kurang Upaya dalam Program Pendidikan Vokasional Formal Ethiopia.	Kekurangan kemudahan yang bersesuaian dengan pelajar kelainan upaya serta kekurangan tenaga pengajar yang mahir dalam mengajar pelajar kelainan upaya.
10.	Mbense, S. A. (2019)	Pengalaman Pelajar Kurang Upaya Fizikal Di Kolej TVET.	Menyahkan halangan buat pelajar kelainan upaya seperti infrastuktur, sikap negatif serta perseitaran yang sukar diakses. Institut pendidikan perlu menghapuskan juga halangan yang menghalang pelajar yang kelainan upaya untuk terus belajar.
11.	Mosalagae, M. & Bekker, T.L. (2021)	Pendidikan Pelajar Kurang Upaya Intelektual Di Institusi Pendidikan Dan Latihan Vokasional Teknikal di Botswana: Kemasukan Atau Pengecualian?	Membuat persediaan dengan mendedahkan tenaga pengajar dengan isu-isu kelainan upaya pelajar sebagai persediaan untuk mengajar.
12.	Ndlovu, L. M. (2019)	Akses Dengan Kejayaan: Kes Pelajar Dengan Pembelajaran Kurang Upaya dalam Pendidikan Teknik Vokasional dan Latihan.	Institu perlu menyediakan latihan khas untuk tenaga pengajar seperti dengan latihan pedagogi bagi meningkatkan kemahiran pengajar dalam proses mengajar pelajar kelainan upaya. Hal ini juga dapat mengurangkan sikap diskriminasi terhadap pelajar kelainan upaya. Di samping itu, kemudahan di isntitut juga penting untuk diakses oleh pelajar kelainan upaya.

13.	Nkosi, T. C. (2023)	Satu Penyiasatan Pengalaman Pendidikan Lepas Sekolah, Pelajar Miskin Orang Kurang Upaya di Satu Kolej Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).	Institut perlu melaksanakan langkah-langkah yang dapat memudahkan urusan atau pergerakan pelajar dalam menuntut ilmu. Selain itu, motivasi para pelajar juga perlu ditingkatkan khususnya bagi pelajar kelainan upaya.
14.	Ntombela, B. P. (2020)	Meneroka Pengalaman Pelajar Bercacatan Fizikal Belajar Di Kolej Pendidikan Dan Latihan Vokasional (TVET) Teknikal.	Kekurangan atau ketiadaan akses bangunan untuk pelajar kelainan upaya menjadi cabaran buat pelajar kelainan upaya di institusi. Di samping itu, turut berlaku kekurangan alata bantuan bagi pelajar yang mempunyai kecacatan fizikal.
15.	Pirzada, G., Anis, F. & Ahmed, F. (2023)	Mewujudkan Institusi TVET Inklusif Untuk Pelajar Bermasalah Pendengaran: Wawasan Dan Cadangan.	Tenaga pengajar perlu menggunakan kaedah yang berseusian untuk mengajar mengikut kepada kelainan upaya seseorang pelajar itu. Kemudahan prasarana serta persekitaran pembelajaran yang mesra pelajar OKU mampu memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar dengan lebih selesa.
16.	Rosmiza M. Z. & Ghazali, M. H. (2020)	Cabaran Projek Tanaman Cendawan Sebagai Asas Transisi Kerjaya Keusahawanan Agro	Antara cabaran dalam melaksanakan program ini termasuklah kurangnya sokongan daripada pihak pentadbir. Selain itu, guru juga tidak diberikan.
		Kepada Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran.	latihan dengan baik. Kekurangan sokongan daripada ibu bapa juga mnejadi cabaran dalam melaksanakan program ini. Di samping itu, peruntukan modal dan kekurangan infrastuktur turut menjadi cabaran.
17.	Sako, L. P. (2020)	Mengintegrasikan Amalan Inklusif Di Kolej Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vakasional (TVET) Di Wilayah Limpopo.	Tenaga pengajar perlu latihan yang mencukupi bersesuaian dengan ketidak upayaan pelajar. Hal ini bagi memudahkan untuk melaksanakan sesi pengajaran terhadap pelajar kelainan upaya.

18.	Samsudin, I.S. & Abdul Rahim, M. (n.d.)	Kolej Komuniti Sebagai Hub Melanjutkan Pelajaran Bagi Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU): Satu Tinjauan	Kesediaan pensyarah di institusi pendidikan untuk mengajar pelajar OKU berada pada tahap yang sederhana. Antara isu yang perlu ditambah baik termasuklah meningkatkan kesediaan pensyarah untuk mengajar pelajar OKU. Institusi juga perlu bersedia dengan penambahbaikan dari aspek fizikal.
19.	Siwela, S. (2017)	Kajian Kes Penerokaan Pengalaman Pelajar Kurang Upaya Di Kolej TVET: Faktor Yang Memudahkan Atau Menghalang Akses Dan Kejayaan Mereka.	Institut pendidikan perlu menyediakan kemudahan yang boleh diakses oleh pelajar kelainan upaya. Selain itu, latihan kepada pengajar serta fasiliti seperti bangunan yang mudah untuk diakses serta sukatan kokurikulum yang bersesuaian dengan pelajar.
20.	Syed Salim, S. M., Mohd Yusof, F. & Mohamed Zaki, S. (2019).	Perkhidmatan Pembelajaran Pelajar Kurang Upaya Dalam Pendidikan TVET: Pelaksanaan Di Kolej Komuniti di Malaysia.	Institusi pendidikan perlu dinaiktaraf dari segi kemudahan bagi memenuhi keperluan pelajar kelainan upaya. Selain itu, pembantu pelajar juga perlu disediakan bagi memudahkan urusan pelajar khususnya bagi pelajar- pelajar yang kelainan upaya. Hal ini sekali gus membuka peluang kepada pelajar kelainan upaya untuk mendapat pendidikan yang baik.

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui cabaran yang dihadapi dalam pengurusan pelajar kelainan upaya dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional di institut pendidikan. Selain itu, kajian ini juga mendapati terdapat amalan baik yang dilaksanakan oleh sesetengah institut pendidikan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif buat pelajar kelainan upaya. Berdasarkan Jadual 1, terdapat beberapa cabaran dan amalan baik yang diperolehi daripada 20 artikel yang dikaji. Bagi memudahkan kerja-kerja untuk menganalisis, dapatan kajian dirumuskan di dalam Jadual 2.

Jadual 2 Rumusan pengurusan pelajar kelainan upaya (OKU) dalam pendidikan teknikal dan vokasional (TVET)

Bil.	Penulis	Pengurusan Pelajar Kelainan Upaya (OKU) Dalam Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (TVET)				
		Cabaran		Amalan Baik		
		Kekurangan fasiliti	Kesediaan Pengajar	Latihan Pengajar	Tambah baik fasiliti	Kurikulum
1.	Abdullah, A. G. & Tri Setiyarini (2021)			/	/	
2.	Adhikari, A. R. (2018)			/		/
3.	Ali, A. & Abdullah Zawawi, Z. (n.d.)			/		/

4.	Ang, M. C. H., & Lim, T. H. (2022)			/	/	
5.	Ikenna, D. et al. (2020)			/	/	
6.	Khairi, S., Redzuan, N. I. & Hashim, N. (2017)		/			
7.	Khumalo, Z. P. (2019)	/	/			
8.	Korkem, Y. (2022)		/			
9.	Malle, A. Y. (2017)	/	/			
10.	Mbense, S. A. (2019)			/		
11.	Mosalagae, M. & Bekker, T.L. (2021)			/		
12.	Ndlovu, L. M. (2019)			/	/	
13.	Nkosi, T. C. (2023)			/		
14.	Ntombela, B. P. (2020)	/				
15.	Pirzada, G., Anis, F. & Ahmed, F. (2023)			/	/	
16.	Rosmiza M. Z. & Ghazali, M. H. (2020)	/	/			
17.	Sako, L. P. (2020)			/		
18.	Samsudin, I.S. & Abdul Rahim, M. (n.d.)	/	/			
19.	Siwela, S. (2017)			/	/	
20.	Syed Salim, S. M., Mohd Yusof, F. & Mohamed Zaki, S. (2019).			/		
JUMLAH		5	6	10	7	5

Berdasarkan Jadual 2, dapatan pengurusan pelajar kelainan upaya (OKU) dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) terbahagi kepada dua iaitu cabaran dan amalan baik. Daripada 20 artikel, terdapat lima artikel yang menekankan kepada kekurangan fasiliti di institusi pendidikan untuk pelajar kelainan upaya. Fasiliti merupakan suatu perkara yang penting dan menjadi satu keperluan asas untuk sesuatu institusi itu. Tambahan pula apabila terdapat pelajar kelainan upaya, kekurangan fasiliti menjadi satu halangan bagi mereka menjalani rutin harian seperti biasa. Kekurangan fasiliti juga dapat menghadkan pergerakan seseorang pelajar kelainan upaya.

Seterusnya, daripada 20 artikel yang dikaji, sebanyak enam artikel yang menekankan kepada kesediaan pengajar. Kesediaan pengajar juga merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh pelajar kelainan upaya di institusi TVET. Sebagai contoh, tenaga pengajar tidak mempunyai kemahiran yang baik untuk mengajar pelajar yang mempunyai kekurangan fizikal atau pelajar yang tidak dapat berkomunikasi yang baik. Tenaga pengajar yang kurang mahir akan memberikan kesan yang negatif kepada proses kemenjadian pelajar khususnya pelajar kelainan upaya.

Dalam mendepani cabaran, sudah pasti amalan baik perlu dilaksanakan bagi menjaga atau meningkatkan kualiti pendidikan pelajar kelainan upaya dalam bidang TVET. Berdasarkan 20 artikel yang dikaji, sebanyak sepuluh artikel yang menekankan kepada amalan baik iaitu latihan pengajar. Sebagai persediaan untuk mengajar pelajar kelainan upayan, seseorang pengajar itu perlu mendapat latihan mengajar yang bersesuaian dengan secukupnya. Hal ini bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar. Di samping itu, para pelajar juga dapat menerima input dengan baik mengenai apa yang dipelajari.

Selain itu, daripada 20 artikel yang dikaji, sebanyak tujuh artikel yang menekankan kepada penambahbaikan fasiliti. Sesebuah institusi yang menerima pelajar kelainan upaya mestilah mempunyai fasiliti yang bersesuaian. Sebagai contoh, sekiranya bangunan di sesebuah institusi itu bertingkat, kelengkapan untuk pelajar kelainan upaya mesti disediakan di tingkat bawah bagi memudahkan mereka untuk akses. Jika juga diperlukan sekiranya kelas pelajar berada di tingkat atas. Penambahbaikan fasiliti ini juga mampu meningkatkan kemenjadian dan keberhasilan pelajar.

Akhir sekali, daripada 20 artikel yang dikaji, sebanyak lima artikel yang menekankan kepada pembangunan kurikulum. Sesetengah pelajar yang berkeperluan khas memerlukan silibus atau kurikulum yang berlainan. Sebagai contoh, selain kekurangan dari fizikal, pelajar kelainan upaya juga terdiri daripada pelajar yang lambat untuk menerima apa yang dipelajari. Oleh itu, dengan penambahbaikan kurikulum, para pelajar akan mendapat input yang baik bersesuaian dengan kelebihan masing-masing.

4.0 Penutup

Daripada 20 artikel yang telah dikaji, ini menunjukkan bahawa cabaran pengurusan pelajar kelainan upaya dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional adalah kekurangan fasiliti dan kesediaan pengajar. Cabaran yang dihadapi dalam pengurusan ini akan membawa kepada amalan baik untuk penambahbaikan sesebuah institusi atau pihak pengurusan dalam menguruskan pelajar kelainan upaya. Dari segi amalan baik, daripada artikel yang dikaji, ianya merangkumi latihan untuk pengajar, penambahbaikan fasiliti dan juga pembangunan kurikulum. Amalan baik ini mampu meningkatkan lagi kualiti pendidikan dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional khususnya bagi pelajar-pelajar kelainan upaya. Hal ini sekali gus menjadi langkah permulaan yang baik dalam meningkatkan lagi peluang pelajar kelainan upaya untuk menceburi bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

Penghargaan

Terima kasih kepada semua pihak yang membantu menyiapkan kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan bahawa penghasilan kajian ini tidak mengandungi sebarang kepentingan peribadi.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan tanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut: konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis dan tafsiran keputusan, dan penyediaan manuskrip.

Rujukan

- Abdullah, A. G. & Tri Setiyarini (2021). Approaches to Training People with Disability in Mainstream Vocational Training Centers. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, volume 651.
- Adhikari, A. R. (2018). The experiences of learners with disabilities in mainstream vocational training in Nepal, *International Journal for Research in Vocational Education and Training (IJRVET)*, ISSN 2197-8646, European Research Network in Vocational Education and Training (VETNET), European Educational Research Association, Bremen, Vol.5, Iss. 4, pp. 307-327, <https://doi.org/10.13152/IJRVET.5.4.4>
- Ali, A. & Abdullah Zawawi, Z. (n.d.). Tahap Penguasaan Terhadap Komponen Masakan Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)*.
- Ang, M. C. H., & Lim, T. H. (2022). MAKING TVET INCLUSIVE FOR PERSONS WITH DISABILITIES IN MALAYSIA. *International Journal of Education and Pedagogy*, 4(3), 282-290.
- Ikenna, D. et al. (2020). Challenges of inclusion: a qualitative study exploring barriers and pathways to inclusion

- of persons with mental disabilities in technical and vocational education and training programmes in East Africa, *Disability and Rehabilitation*, 42:4, 536-544, DOI:10.1080/09638288.2018.1503729
- Khairi, S., Redzuan, N. I. & Hashim, N. (2017). Persepsi Majikan Terhadap Pelajar Oku Pendengaran Di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Yang Menjalani Latihan Industri. *Proceedings of the International Conference on Special Education*. Vol.2 (2017)/ e-ISSN 2948-4731 (289-297).
- Khumalo, Z. P. (2019). Teaching Students with Visual "Disability": The Experiences of Technical and Vocational Education and Training (TVET) Lecturers. *Universiti of Kwazulu-Natal*.
- Korkem, Y. (2022). The Experiences of Teachers Educating Young Adults with Hearing Impairments Studying in TVET Institutions in Kazakhstan: A Collective Case Study. *International Scientific Discussion: Problems, Tasks and Prospects*. DOI 10.51582/interconf.19-20.02.2022.018
- Malle, A. Y. (2017). Policy-Practice Gap in Participation of Students with Disabilities in Ethiopia's Formal Vocational Education Programme. *Jyväskylä: University of Jyväskylä, 2017, 64 p. (Jyväskylä Studies in Education, Psychology and Social Research ISSN 0075-4625; 578) ISBN 978-951-39-6966-0*
- Mbense, S. A. (2019). The experiences of the physically disabled students in the TVET College. *University of KwaZulu-Natal*.
- Mosalagae, M. & Bekker, T.L. (2021). 'Education of students with intellectual disabilities at Technical Vocational Education and Training Institutions in Botswana: Inclusion or exclusion?', *African Journal of Disability* 10(0), a790. <https://doi.org/10.4102/ajod.v10i0.790>
- Ndlovu, L. M. (2019) Access With Success: A Case of Students with Learning Disabilities at a Technical and Vocational Education and Training College. *University of Kwazulu-Natal*.
- Nkosi, T. C. (2023). An Investigation of the Post-School Educational Experiences of Black, Poor Students with Disabilities in One Technical and Vocational Education and Training (TVET). *University of Kwazulu-Natal*.
- Ntombela, B. P. (2020). Exploring The Experiences Of Students With Physical Impairments Studying At A Technical Vocational Education And Training (TVET). *University of Kwazulu-Natal*.
- Pirzada, G., Anis, F. & Ahmed, F. (2023). Creating Inclusive TVET Institutions for Hearing Impaired Students: Insights and Recommendations. *Pakistan Journal of Social Research* ISSN 2710-3129 (P) 2710-3137 (O) Vol. 5, No. 2, June 2023, pp. 1191-1199.
- Rosmiza M. Z. & Ghazali, M. H. (2020). Cabaran Projek Tanaman Cendawan Sebagai Asas Transisi Kerjaya Keusahawanan Agro Kepada Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 16 issue 1 (46-61) © 2020, e-ISSN 2682-7727. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1601-05>.
- Sako, L. P. (2020). Integrating Inclusive Practices at Technical and Vocational Education and Training (TVET) Colleges in Limpopo Province. *University of Limpopo*.
- Samsudin, I.S. & Abdul Rahim, M. (n.d.). Kolej Komuniti Sebagai Hub Melanjutkan Pelajaran Bagi Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) : Satu Tinjauan. *Kolej Komuniti Jasin, Melaka*.
- Siwela, S. (2017). An exploratory case study of the experiences of students with disabilities at a TVET College: Factors that facilitate or impede their access and success. *College of Humanities, University of KwaZulu-Natal*.
- Syed Salim, S. M., Mohd Yusof, F. & Mohamed Zaki, S. (2019). Services Learning Students Disabilities In TVET Education: Implementation In Community Colleges in Malaysia. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, volume 388.